

MAHKAMAH BERSAMA PENYELESAI ISU PASANGAN TUKAR AGAMA

DATUK DR WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN
Penasihat Undang-Undang
Universiti Malaysia Perlis

Pada 10 Ogos 2017, Dewan Rakyat meluluskan suatu Rang Undang-Undang bagi meminda *Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraihan) 1976 (Akta 164)* (“Akta 164”). Pindaan terhadap Akta 164 ini kemudiannya turut diluluskan oleh Dewan Negara pada 21 Ogos 2017. Sungguhpun suatu pindaan terhadap undang-undang sedia ada sememangnya diperlukan untuk mengatasi isu pembubaran perkahwinan sivil apabila salah seorang pasangan itu memeluk agama Islam, pindaan tersebut hendaklah dibuat berlandaskan sumber perundangan yang betul di samping mengambil kira hak dan kepentingan kesemua pihak.

Pindaan terhadap Akta 164 tiga tahun yang lepas didapati melanggar Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, dan tidak menghormati bidangkuasa Raja-Raja Melayu di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri masing-masing. Senarai perkara yang dipinda dalam Akta 164 melibatkan subseksyen 3(3), iaitu peletakan bidangkuasa ekslusif kepada Mahkamah Sivil untuk membubarkan suatu perkahwinan dan memutuskan semua perkara yang berbangkit daripadanya jika salah seorang daripada pasangan itu memeluk agama Islam. Pindaan sedemikian bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan kerana seorang mualaf itu ialah seorang Islam yang sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Syariah.

Lain-lain peruntukan yang didapati bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan ialah subseksyen 51(1) iaitu penetapan kausa tindakan bagi seorang muallaf untuk memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan terhadap pasangannya yang bukan Islam di Mahkamah Sivil; Seksyen 51A yang merupakan peruntukan baharu iaitu sekiranya seseorang mualaf meninggal dunia sebelum sempat perkahwinan sivilnya dibubarkan, maka pembahagian harta pusaka mualaf itu tertakluk pada b i d a n g k u a s a Mahkamah Sivil bagi pihak-pihak yang berkepentingan; dan seksyen 76 melibatkan pindaan terhadap pembahagian aset yang diperolehi semasa perkahwinan selepas dari tarikh pembubaran perkahwinan oleh Mahkamah Sivil.

Percanggahan pindaan Akta 164 dengan Perlembagaan Persekutuan berlaku kerana Senarai I dan III dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan bidang kuasa ke atas undang-undang peribadi orang Islam kepada Mahkamah Sivil. Justeru, pendekatan yang betul ialah kembali kepada punca kuasa asal Perlembagaan Persekutuan iaitu Dewan Perundangan bagi setiap Negeri. Kaedah ini dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan seperti diperuntukkan oleh Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 77 memperuntukkan seperti berikut:

Badan Perundangan sesuatu Negeri berkuasa membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut satu persatu dalam mana-mana Senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu yang bukan suatu perkara yang berkenaan dengannya Parlimen berkuasa membuat undang-undang.

Perkara 77 mengekalkan sumber kuasa kepada Badan Perundangan sesuatu Negeri untuk menggubal suatu undang-undang dan menubuhkan mahkamah yang berkuasa untuk membicarakan undang-undang peribadi orang Islam dan orang bukan Islam kerana bidangkuasa sedemikian tidak diperuntukkan dalam mana-mana Senarai di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Justeru Badan Perundangan sesuatu Negeri boleh menggubal undang-undang Negeri dan menubuhkan suatu mahkamah yang mempunyai bidang kuasa seperti yang diharapkan melalui pindaan Akta 164 di atas.

Mahkamah itu bolehlah dinamakan Mahkamah Bersama (*Joint Court*) atau nama yang bersesuaian dengan objektifnya. Mahkamah Bersama pernah diwujudkan selepas British campur tangan dalam hal ehwal Kerajaan-kerajaan Negeri Melayu. Dalam strukturnya, wakil Kerajaan Inggeris menjadi pembantu (*assessor*) dan bersidang bersama-sama dengan Hakim Melayu untuk membicarakan kes yang melibatkan rakyat Inggeris dengan menggunakan kemudahan dan kakitangan Mahkamah Balai pada zaman sebelum Hari Merdeka. Bagi maksud di sini, Mahkamah Bersama dicadangkan mempunyai ciri-ciri berikut;

1. Bidang kuasa mengadili kes ditadbir mengikut Akta dan Enakmen sendiri;
2. Penubuhan Mahkamah Bersama dan peruntukan-peruntukan berkaitan dengannya perlu digubalkan oleh Dewan Perundangan bagi Negeri masing-masing dan Parlimen bagi Wilayah-wilayah Persekutuan.
3. Ahli Panel Hakim yang bersidang dalam Mahkamah Bersama untuk mendengar sesuatu kes hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang ahli Panel Hakim di peringkat Bicara dan lima orang di peringkat Rayuan.

4. Mahkamah Bersama diketuai oleh seorang Presiden yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja (mengikut mana-mana berkenaan).
5. Ahli Panel Hakim Mahkamah Bersama bagi peringkat Bicara bolehlah terdiri dalam kalangan:
 - a. Mantan atau Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang sedang bertugas atau;
 - b. Mantan atau Hakim Mahkamah Seksyen Sivil yang sedang bertugas.
6. Ahli Panel Hakim Mahkamah Bersama bagi peringkat Rayuan bolehlah terdiri dalam kalangan:
 - a. Mantan atau Hakim Mahkamah Rayuan Syariah yang sedang bertugas atau;
 - b. Mantan atau Hakim Mahkamah Tinggi Sivil yang sedang bertugas.
7. Dalam setiap perbicaraan Mahkamah Bersama, ahli Panel Hakim hendaklah mempunyai wakil dalam setiap kumpulan (a) dan (b) di atas.
8. Dalam setiap pendengaran di peringkat Rayuan, bolehlah disyaratkan bahawa salah seorang panel hendaklah seorang Hakim yang bukan beragama Islam.

Amatlah diharapkan isu yang dibangkitkan di sini dapat diberi pertimbangan oleh Kerajaan agar matlamat yang ingin dicapai dapat dilaksanakan dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.